



Bootcamp With Estonia Experts

26 - 29 Mac 2019, Hotel Bangi Resort

Bengkel ini disertai oleh 60 orang pegawai kerajaan yang terdiri daripada MAMPU dan juga kementerian/agensi kerajaan. Tujuan utama *Bootcamp* ini diadakan adalah bagi mendapat pengetahuan daripada *Solution Architects*, Estonia serta berkongsi pengalaman dari segi konsep, metodologi dan pendekatan yang digunakan serta perkembangan platform kerajaan bagi perancangan dan pelaksanaan kerajaan digital.

Agensi Terlibat :

- Pasukan Projek GOS Gateway (MAMPU & MIMOS)
- Pasukan Projek MyGDX
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Dalam Negeri
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Kementerian Sumber Manusia
- Jabatan Pendaftaran Negara
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang



Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada Mac 2019

19 - 22 Mac 2019

Bengkel Pemantapan Kandungan *Life Event (LE)* Portal MyGovernment RHR Hotel, UNITEN

Bengkel diadakan bertujuan untuk mendapatkan input dan informasi berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan di kementerian/agensi bagi memantapkan dan menambahbaik kandungan di dalam Portal MyGovernment. Kandungan portal yang dikemaskini adalah merangkumi tujuh(7) kumpulan *life event* berikut iaitu;

1. Mengurus Pengenalan Diri
2. Mengurus Institusi Keluarga
3. Mendapat Pendidikan Formal
4. Mendapat Kemudahan Kebajikan dan Kesihatan
5. Membina Kerjaya & Persaraan
6. Mendapat Maklumat Pelancongan
7. Mengurus Perniagaan

Sebanyak 70 peserta yang mewakili 27 kementerian/agensi telah hadir bagi menjayakan sesi bengkel tersebut. Di antara peranan wakil agensi adalah bagi;

1. Memberi input dan penerangan berkaitan kandungan perkhidmatan yang berkaitan,
2. Mendapatkan pengesahan dan persetujuan pengurusan di agensi berhubung isu-isu, soalan lazim dan infografik berdasarkan maklumat-maklumat yang telah dibincangkan dan dimasukkan ke dalam Portal MyGovernment.



04 Mac 2019

Sesi Perbincangan Integrasi MalaysiaBiz Dengan Portal MyGovernment dan Skop Kontrak Bagi Projek Integrasi SME HIP 1

Perbincangan teknikal integrasi Portal MyGovernment dengan MalaysiaBiz.

Agensi terlibat:

- Pasukan SME-HIP1

16 Mac 2019

Soal Selidik Keperluan Pengguna Portal MyGovernment Bagi Program Selangor Mega Job Fair 2019

Tujuan Penyertaan:

- (a) Mempromosi inisiatif dan fungsi portal MyGovernment ;
- (b) Mendapat dan mengumpulkan maklumat awal berhubung dengan maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan kerjaya ; dan
- (c) Mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi - agensi yang terlibat dalam Selangor Mega Job Fair

Kaedah Yang Digunakan:

- (a) Maklumbalas melalui soalan kaji selidik (melibatkan 200 borang)
- (b) Penerangan kandungan dan perkhidmatan menggunakan *brochure* / bunting dan portal MyGovernment
- (c) *Like* kepada Facebook MyGovernment dan maklumbalas *smiley* dalam portal



19 Mac 2019

Mesyuarat Bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Untuk Integrasi Perkhidmatan Notis Jualan Murah.

Perbincangan proses *re-code* pada pembangunan sedia ada disebabkan sistem di KPDNHEP telah bertukar server.

Agensi terlibat:

- Pasukan SME-HIP1 (KPDNHEP)

22 Mac 2019

Mesyuarat Keperluan Data Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) Untuk Perkhidmatan Perancangan Perjalanan

Membincangkan Ketersediaan agensi membenarkan data *Performance Monitoring Hub System (PMHS)* dan data Rel digunakan untuk pembangunan Perkhidmatan *Journey Planner/Perancangan Perjalanan*

Agensi terlibat:

- Kementerian Pengangkutan
- Agensi Pengangkutan Awam Darat

01

02

03

04

05

06

07

14 Mac 2019

Perbincangan Teknikal Pembangunan Perkhidmatan 'Semakan Keputusan Peperiksaan' bersama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)

Membincangkan perkara-perkara teknikal berkaitan pembangunan perkhidmatan 'Semakan Keputusan Peperiksaan' di Portal MyGovernment.

Agensi terlibat:

- Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)

16 Mac 2019

Soal Selidik Berkonsepan *Citizen Centric Design (CCD)* Bagi Program Selangor Mega Job Fair 2019

Objektif Sesi CCD adalah untuk mendapatkan maklumat daripada rakyat berkaitan:

- (a) Permasalahan dalam mencari maklumat berkaitan memulakan kerjaya, meningkatkan kerjaya dan persaraan serta bantuan berkaitan.
- (b) Perkhidmatan dalam talian kerajaan yang digunakan / diketahui oleh rakyat.
- (c) Maklum balas kepuasan pelanggan tentang perkhidmatan kerajaan yang ditawarkan.

Penemuduga menggunakan konsep CCD berdasarkan borang soal selidik yang telah disediakan. Kumpulan sasar dalam soal selidik adalah pencari kerja, meningkatkan kerjaya dan persaraan serta bantuan berkaitan. Setiap sesi mengambil masa lebih kurang 20 hingga 30 minit.



21 Mac 2019

Perbincangan Teknikal Pembangunan Perkhidmatan Permohonan Pra Sekolah dan Permohonan Tahun Satu bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Membincangkan perkara-perkara teknikal berkaitan pembangunan perkhidmatan Pra Sekolah dan Permohonan Tahun Satu di Portal MyGovernment.

Agensi terlibat:

- Kementerian Pendidikan Malaysia

Aktiviti Yang Dirancang Pada April 2019

1 APRIL 2019

Perbincangan *Requirement Gathering (RG)* GOSG internal bagi Projek Integrasi SME HIP 1

Perbincangan lanjut integrasi GOSG dengan SMEHIP1

Agensi yang terlibat
- Pasukan SME-HIP1-

Karnival Institusi Pendidikan MARA 2019

Menyertai Program Karnival Institusi Pendidikan MARA 2019 untuk mendekati masyarakat secara "Turun Padang"

Agensi yang terlibat
- Institusi MARA -

EDISI HADAPAN

e-Newsletter Bil. 4/2019 akan memaparkan penambahbaikan Portal MyGovernment yang baharu.

Ikuti Portal MyGovernment di saluran berikut:

- www.malaysia.gov.my
- MyGovernment_Official
- https://twitter.com/GOS_Gateway



Imbas Sekarang!